

MENYANTUNI MUSAFIR LEBUH RAYA: PLUS ANJUR SOLAT SUNAT AIDILFITRI DI SURAU MADANI R&R SEREMBAN (ARAH SELATAN)

Petaling Jaya, 19 Mac 2026:- Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang menjelang tiba, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) mengumumkan penganjuran Solat Sunat Aidilfitri di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban (Arah Selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan. Inisiatif ini merupakan yang pertama seumpamanya diadakan di mana-mana lebuhraya di Malaysia, sekaligus melakar sejarah baharu selepas menjadi surau R&R lebuhraya pertama di Malaysia untuk menganjurkan solat fardu Jumaat tahun lalu.

Penganjuran solat ini telah mendapat kebenaran rasmi daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan bertujuan menyediakan kemudahan kerohanian kepada pengguna lebuhraya yang dalam perjalanan pulang ke kampung halaman sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan juga para pekerja yang bertugas di R&R Seremban (Arah Selatan).

Pemilihan lokasi di R&R Seremban (Arah Selatan) adalah berdasarkan kedudukannya yang strategik sebagai antara hentian utama dengan aliran trafik yang tinggi ke arah selatan, khususnya bagi pengguna yang pulang ke kampung halaman di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Selain itu, Surau MADANI di R&R Seremban (Arah Selatan) dipilih kerana kapasiti yang lebih besar serta kemudahan yang lengkap dan selesa, sekali gus berupaya menampung kehadiran jemaah dalam jumlah yang ramai. Susun atur kawasan rehat serta kapasiti parkir yang mencukupi turut menyokong kelancaran pergerakan pengguna tanpa menjejaskan aliran trafik utama lebuhraya.

Solat Sunat Aidilfitri ini dijadualkan berlangsung di Surau MADANI R&R Seremban (Arah Selatan) pada 1 Syawal, jam 8.30 pagi (tertakluk kepada pengumuman rasmi tarikh Aidilfitri). Inisiatif ini juga mengambil kira keperluan para pemastautin dan petugas di kawasan rehat serta pengguna lebuhraya yang masih dalam perjalanan, agar mereka dapat menunaikan ibadah tanpa perlu keluar dari lebuhraya.

Melalui inisiatif ini, PLUS berharap dapat mengurangkan tekanan dan kesuntukan masa dalam kalangan pengguna lebuhraya pada pagi Aidilfitri, sekali gus membolehkan mereka berhenti seketika untuk beribadah dalam suasana yang lebih tenang, selesa dan teratur sebelum meneruskan perjalanan.

Pengguna lebuhraya juga dinasihatkan supaya sentiasa mengutamakan keselamatan, mematuhi peraturan lalu lintas serta mengamalkan sikap sabar dan bertimbang rasa ketika memandu demi kesejahteraan bersama.

Selaras dengan jangkaan peningkatan trafik sehingga 2.3 juta kenderaan sehari pada hari-hari puncak musim perayaan, pengguna disarankan untuk merancang perjalanan dengan lebih awal serta mematuhi jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA melalui aplikasi PLUS bagi membantu melancarkan perjalanan pulang ke kampung dan kembali ke bandar.

PLUS mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pengguna lebuhraya yang meraikannya dan mendoakan agar perjalanan semua sentiasa selamat, lancar dan diberkati.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---